

Faktor Penentu Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Pelancongan

Factors Determining Employment Composition in the Tourism Sector

Nurul Syaheera Abdul Razak syera88@gmail.com
Poo Bee Tin beetin01@gmail.com
Norlida Hanim Mohd Salleh norlidahanim@gmail.com
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sektor pelancongan di Malaysia mengalami peningkatan dari tahun ke tahun dan hasil perolehan daripada sektor ini menunjukkan lonjakan yang sangat ketara daripada tahun 2004 iaitu sebanyak RM 30 billion kepada RM 53 bilion pada tahun 2009. Sektor pelancongan merupakan antara sektor terbesar dalam menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara dengan kedudukan kelima. Sektor pelancongan dijangka akan terus berkembang dan dijangka akan meningkatkan guna tenaga serta pendapatan perkapita guna tenaga. Pada masa kini, sebanyak 14% daripada jumlah tenaga buruh dalam negara adalah terdiri daripada pekerja dalam sektor pelancongan dan jumlah ini dijangka akan mengalami peningkatan melalui program *Entry Point Project* (EPP) yang mana mampu menjana penambahan sebanyak 497,200 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Namun begitu, sektor ini menghadapi cabaran berkenaan dengan kekurangan tenaga kerja tempatan yang berkualiti khususnya di peringkat jawatan bukan pengurusan dan juga cabaran dalam memastikan keperluan modal insan yang mencukupi. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat trend pertumbuhan guna tenaga dan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan guna tenaga dalam sektor pelancongan khususnya. Data sektor pelancongan di Malaysia pada tahun 2000 dan 2005 yang diperolehi daripada Jabatan Statistik Malaysia (DOS) akan digunakan dengan menggunakan kaedah input output untuk melihat tren pertumbuhan guna tenaga.

Kata kunci: Pelancongan, input-output, guna tenaga dan komposisi

ABSTRACT

The tourism sector in Malaysia has increased from year to year and revenue from this sector shows a very significant jump from RM 30 billion in 2004 to RM 53 billion in 2009. The tourism sector is one of the largest sectors in the economy contributed to the increase in fifth position. The tourism sector is expected to continue growing and is expected to increase employment and employment per capita income. At present, about 14% of the total labor force in the country is made up of workers in the tourism sector and the number is expected to rise through the Entry Point Project (EPP), which can generate an increase of 497,200 jobs in 2020. However, this sector faces challenges with respect to the lack of quality local workforce, particularly in the non-management positions as well as challenges in ensuring adequate human capital needs. Therefore, this study will look at the trend of employment growth and the factors that influence the growth of employment in the tourism sector in particular. Data of the tourism sector in Malaysia in 2000 and 2005 obtained from the Department of Statistics Malaysia (DOS) will be used by using the input-output to see the trends of employment growth.

Keywords: Tourism, input-output, labour and decomposition.

PENGENALAN

Sektor pelancongan secara umumnya melibatkan lima elemen iaitu persekitaran, destinasi, ekonomi, manusia dan juga elemen dinamik. Hal ini adalah berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh Leiper (1981) yang menyatakan bahawa pelancongan merupakan suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen destinasi samada destinasi asal atau destinasi yang ingin dituju, elemen ekonomi iaitu industri itu sendiri dan elemen dinamik yang terdiri daripada individu yang mengembara selama lebih kurang satu

hari. Sektor pelancongan adalah suatu bidang pelaburan bijak yang mana mampu untuk memacu pertumbuhan industri berkaitan dalam usaha mencapai status negara maju. Dalam usaha meningkatkan prestasi sektor pelancongan, beberapa program sedang dijalankan oleh pihak kerajaan antaranya adalah program 'Malaysia My Second Home', program pelancongan pendidikan, program pelancongan agro, program pelancongan pelajaran dan pogram pelancongan sukan.

Pada masa kini, sektor pelancongan merupakan sub sektor dalam sektor perkhidmatan dan ianya adalah salah satu sektor yang terpenting dan mampu menjana pendapatan yang tinggi. Ianya terdiri daripada lima aktiviti utama iaitu perdagangan runcit, hotel, restoran, pengangkutan serta hiburan dan rekreasi. Sejak pengenalan Tahun Melawat Malaysia pada 1990, bilangan pelancong yang datang ke Malaysia menunjukkan peningkatan daripada tahun ke tahun dan hal ini secara tidak langsung turut meningkatkan perolehan negara setiap tahun. Ini dapat dilihat daripada data yang diperolehi yang mana menunjukkan pada tahun 2000 jumlah pelancong adalah seramai 10.2 juta orang dan perolehan negara melalui sektor ini pada tahun tersebut adalah sebanyak 20 billion. Jumlah ini mengalami peningkatan pada tahun 2010 iaitu sebanyak 56.5 billion pendapatan yang diperolehi daripada 24.5 juta pelancong. Peningkatan terus berlaku pada tahun berikutnya iaitu 2011 dengan seramai 24.7 juta pelancong dan hasil perolehan sebanyak 58.3 billion.

Selain daripada sumbangan yang tinggi kepada pendapatan negara, sektor ini juga dapat membantu membangunkan beberapa kawasan dalam usaha untuk mewujudkan pusat pelancongan seperti bandar Melaka. Penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur juga dapat dipertingkatkan dengan wujudnya sektor pelancongan. Hal ini disebabkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang baik menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan pelancongan. Sektor ini secara tidak langsung juga mampu menggalakkan industri kraftangan serta industri desa. Sumbangan yang paling penting dalam sektor ini adalah penyediaan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar. Sepanjang Rancangan Malaysia ke-8, guna tenaga dalam sektor pelancongan meningkat pada kadar purata 2.9% setahun dimana pada tahun 2000 guna tenaga yang terlibat adalah seramai 390,600 orang dan pada tahun 2005 jumlah guna tenaga melonjak kepada 451,000 orang. Pada masa kini, guna tenaga dalam sektor pelancongan adalah seramai 14% daripada guna tenaga negara.

Namun begitu, pelaburan modal perlulah seiring dengan hasil yang ingin dicapai. Perbelanjaan dalam sektor pelancongan di Malaysia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Semasa Rancangan Malaysia ke-6 (RMK6), perbelanjaan sebanyak RM494.4 juta telah digunakan. Jumlah ini terus mengalami peningkatan dengan jumlah sebanyak RM605.5 juta semasa Rancangan Malaysia ke-7 (RMK7) dan lonjakan kepada RM 1847.9 juta pada Rancangan Malaysia ke-9. Dapat dilihat pelaburan yang dilakukan oleh pihak kerajaan amatlah tinggi dalam sektor ini dan hasil yang diperolehi daripada pelaburan tersebut turut menunjukkan peningkatan. Dalam kes ini, hasil yang diperolehi menunjukkan hubungan yang signifikan dengan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Melalui pelaburan yang telah dilakukan ini, sektor pelancongan memberikan impak yang positif kepada ekonomi Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Jenkins (2008) megembangkan kaedah Chenery (1979) dalam membuat penganggaran bagi kesan langsung perubahan perdagangan pada pekerjaan. Mengikut beliau, faktor yang mempengaruhi perubahan komposisi guna tenaga adalah eksport, pengagihan import, permintaan domestik, pertumbuhan produktiviti dan perdagangan bersih. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor teknologi dan perdagangan memberi kesan negatif kepada pekerjaan di Afrika Selatan. Bagi tahun 1990 pula, teknologi turut memberi kesan negatif kepada pekerjaan manakala perdagangan pula memberi kesan yang positif kepada pekerjaan.

Sorotan kajian lepas mengenai sektor pelancongan telah dibincangkan dengan meluas dan dilihat dalam pelbagai aspek samada daripada perbincangan umum sehinggalah kepada perbincangan khusus. Banyak kajian yang dilakukan dalam melihat kepada perkaitan antara sektor pelancongan dan ekonomi negara. Walaupun pendekatan yang digunakan pengkaji adalah berbeza, namun hasil yang ditunjukkan mempunyai persamaan dalam hubungan yang terbentuk. Antara kajian yang menunjukkan hubungan antara kedua-dua aspek ini adalah kajian yang dilakukan oleh Norlida Hanim et al. (2011). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis input-output dan pengkaji telah membahagikan kepada empat aspek utama bagi melihat tingkat ekonomi Malaysia. Keempat-empat aspek tersebut adalah output, pendapatan buruh, hasil cukai dan import. Hasil daripada kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa perbelanjaan pelancongan antarabangsa membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan dalam aspek-aspek yang telah dinyatakan. Ini

menunjukkan bahawa sektor pelancongan memberikan hubungan yang positif terhadap ekonomi negara.

Muhammad et al. (2009) turut menggunakan kaedah input-output dalam kajian beliau. Hasil kajian beliau melihat kepada pengganda terhadap pendapatan, output, guna tenaga, nilai ditambah dan juga import berdasarkan aktiviti sektor pelancongan di Malaysia. Melalui kajiannya, jelas menunjukkan bahawa sektor ini menyumbang dengan ketara kepada ekonomi negara daripada aspek penjana output, guna tenaga dan nilai ditambah berdasarkan kepada analisis pengganda yang dilakukan. Selain daripada itu, kajian ini turut membuktikan bahawa sektor pelancongan berupaya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi ke arah negara maju menjelang 2020.

Daripada kajian yang telah dilakukan oleh Norlida Hanim et al. Dan Muhammad et al. membuktikan bahawa sektor pelancongan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara dan mampu menjana pulangan yang tinggi terhadap ekonomi secara umumnya dan peningkatan guna tenaga secara khususnya. Selain daripada kajian berkenaan potensi sektor ini terhadap ekonomi, kertas kerja ini juga turut melihat sorotan kajian berkenaan faktor pertumbuhan guna tenaga. Melalui kajian-kajian berikut, dapat disimpulkan bahawa pertumbuhan guna tenaga dipengaruhi oleh faktor pendidikan, latihan, inovasi, insentif pelaburan serta tingkat teknologi.

Kajian mengenai perubahan komposisi dan produktiviti guna tenaga di 40 buah Negara di Asia daripada 1975 hingga 1992 yang dilakukan oleh Marcel dan Bart los (2000) dengan menjadikan Francis, United Kingdom dan Amerika Syarikat sebagai negara rujukan menunjukkan tahap produktiviti buruh boleh dicapai jika ianya beroperasi dengan tahap kecekapan yang tinggi dan peningkatan dalam bilangan input. Menurut beliau, pertumbuhan produktiviti buruh boleh diklasifikasikan kepada tiga sumber iaitu pendidikan, kewujudan potensi serta inovasi. Namun, insentif modal perlu bergerak seiring dengan pendidikan agar produktiviti guna tenaga dapat sentiasa ditingkatkan.

Pengkaji turut mendapati bahawa dengan mengamalkan pelaburan modal manusia maka ianya secara tidak langsung akan menyebabkan kemahiran dan produktiviti pekerja meningkat. Hal ini dibuktikan apabila Indonesia yang mengamalkan pelaburan terhadap pembelajaran dan intensiti modal telah dapat meningkatkan purata produktiviti guna tenaga sebanyak 2.2 peratus. Manakala bagi Negara Jepun, Korea dan Taiwan pula, pertumbuhan guna tenaga mereka adalah lebih tinggi ekoran daripada perubahan teknologi kepada yang lebih canggih dan guna tenaga yang berkemahiran. Berlainan pula bagi kes di Taiwan, dasar jumlah minimum tahun pengajian diamalkan bagi meningkatkan kemahiran guna tenaga. Pertumbuhan ekonomi di Jepun pula adalah disebabkan kewujudan pertumbuhan inovasi yang lebih tinggi iaitu sebanyak satu pertiga dari jumlah pertumbuhan produktiviti guna tenaga. Keberhasilan Amerika Syarikat dalam meningkatkan komposisi Guna tenaga adalah hasil daripada inovasi yang berterusan sehingga mampu meningkatkan pertumbuhan produktiviti guna tenaga sebanyak 50 peratus.

Kajian yang dilakukan oleh Basu dan Weil (1998), mencadangkan satu teori model baru dimana perubahan teknologi memainkan peranan yang penting terhadap proses pertumbuhan, penumpuan dan kecekapan ekonomi. Ianya secara tidak langsung membentuk satu perubahan komposisi guna tenaga melalui pengalaman yang diperolehi. Model tersebut dipanggil sebagai satu kombinasi tertentu bagi faktor-faktor pengeluaran dan teknologi. Contohnya, kes dua input iaitu modal dan buruh dimana teknologi dianggap sama jika ianya dicirikan oleh modal yang setanding dengan nisbah buruh. Teknologi yang lebih maju memerlukan pelaburan modal yang lebih tinggi dan nisbah buruh yang lebih banyak bagi memaksimumkan tahap produktiviti buruh.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan analisis input-output untuk melihat tren pertumbuhan guna tenaga. Data input-output bagi tahun 2000 dan 2005 serta data guna tenaga dalam sektor pelancongan bagi tahun tersebut yang diperolehi daripada Jabatan Statistik Malaysia (DOS) akan digunakan dalam kajian ini. Perbandingan antara kedua-dua tahun tersebut akan dilakukan untuk melihat perubahan yang berlaku keatas guna tenaga dalam sektor pelancongan di Malaysia. Model perubahan komposisi guna tenaga kaedah Chenery akan digunakan untuk melihat tren pertumbuhan guna tenaga.

Model Perubahan Komposisi Guna Tenaga Kaedah Chenery

Model pertumbuhan komposisi guna tenaga kaedah Chenery adalah kaedah yang telah dikembangkan oleh R. Jenkins (2008) yang mana idea asalnya adalah daripada kaedah Chenery (1979) yang mana hanya menganggarkan kesan langsung perubahan perdagangan pada pekerjaan akibat masalah

kekurangan data. Jenkins telah mengembangkan kaedah ini dan hasil daripada kaedah ini adalah huraian output kepada permintaan domestik, eksport dan import. Ianya ditunjukkan oleh persamaan (1) dibawah :

$$Q_{it} = (D_{it} + X_{it} - M_{it}) \quad (1)$$

di mana,

D_{it} = penyerapan domestik bagi industri/produk i pada masa t

Q_{it} = pengeluaran domestik bagi industri/produk i pada masa t

X_{it} = eksport industri/produk i pada masa t

M_{it} = import industri/produk i pada masa t

Penggantian import atau kemasukan barangan import dalam industri i pada masa t diperoleh melalui :

$$m_{it} = M_{it} / D_{it} \quad (2)$$

Perubahan dalam pengeluaran bagi industri i antara tahun asas (0) dan tahun semasa (1) pula didapati daripada persamaan:

$$\Delta Q_i = (1 - m_{i0})\Delta D_i + \Delta X_i + (m_{i0} - m_{i1})D_{i1} \quad (3)$$

di mana,

$(1 - m_{i0})\Delta D_i$ = pertumbuhan permintaan domestik bersih bagi import

ΔX_i = persamaan kedua ialah pertumbuhan eksport

$(m_{i0} - m_{i1})D_{i1}$ = penggantian import

Bagi melihat jumlah perubahan pekerjaan pula, kedua-dua faktor iaitu perubahan dalam output dan perubahan dalam produktiviti buruh akan diambilkira. Hasil daripada kedua-dua faktor tersebut akan menunjukkan nilai perubahan pekerjaan. Ia adalah berdasarkan persamaan berikut:

$$1_{it} = L_{it} / Q_{it} \quad (4)$$

$$\Delta L_i = 1_{i1}\Delta Q_i + (\Delta 1_i)Q_{i0} \quad (5)$$

di mana L_{it} adalah pekerjaan dalam industri/produk i pada masa t.

Penggantian persamaan (3) ke dalam persamaan (5) akan menghasilkan persamaan seperti berikut:

$$\Delta L_i = 1_{i1}(1 - m_{i0})\Delta D_i + 1_{i1}\Delta X_i + 1_{i1}(m_{i0} - m_{i1})D_{i1} + (\Delta 1_i)Q_{i0} \quad (8)$$

di mana,

$1_{i1}(1 - m_{i0})\Delta D_i$ = pengukuran kesan dalam perubahan permintaan domestik ke atas pekerjaan.

Permintaan domestik adalah terdiri daripada penggunaan swasta, penggunaan kerajaan bagi persekutuan, negeri dan tempatan serta perubahan dalam inventori.

$1_{i1}\Delta X_i$ = perubahan dalam eksport

$1_{i1}(m_{i0} - m_{i1})D_{i1}$ = perubahan dalam penggantian import

$(\Delta 1_i)Q_{i0}$ = perubahan dalam produktiviti

Secara kesimpulannya, persamaan terakhir iaitu persamaan (8) akan menunjukkan nilai perubahan guna tenaga dalam sektor pelancongan di Malaysia.

HASIL KAJIAN

Keputusan kajian ini membincangkan tentang dua aspek utama iaitu perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor pelancongan di Malaysia dan faktor mempengaruhi pertumbuhan guna tenaga. Perbincangan kajian ini akan dimulakan dengan melihat secara terperinci perubahan komposisi guna tenaga. Jadual berikut menunjukkan perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor pelancongan bagi tahun 2000 hingga 2005. Berdasarkan jadual, dapat dilihat guna tenaga dalam sektor pelancongan di Malaysia mengalami pertumbuhan positif dengan jumlah perubahan sebanyak 757,162 orang. Jumlah ini diperoleh daripada penjumlahan nilai dalam permintaan domestik, eksport, penggantian import dan pertumbuhan produktiviti berdasarkan kepada kaedah Chenery yang telah diterangkan dalam bahagian sebelum ini. Penggantian import merupakan elemen utama dalam membantu menyumbang kepada pertumbuhan guna tenaga yang positif dengan mencatatkan jumlah sebanyak 5,912,055. Jumlah perdagangan bersih tidak dimasukkan dalam pengiraan perubahan komposisi guna tenaga. Perdagangan

bersih yang menghasilkan nilai positif menunjukkan bahawa sektor pelancongan di Malaysia mampu untuk meningkatkan produktivitinya sendiri tanpa perlu bergantung kepada negara lain.

**PERUBAHAN KOMPOSISI GUNA TENAGA
SEKTOR PELANCONGAN
BAGI TAHUN 2000 – 2005**

BIL	PERKARA	PERUBAHAN (ORANG)
1	PERMINTAAN DOMESTIK	-4810850
2	EKSPORT	87209
3	PENGGANTIAN IMPORT	5912055
4	PERTUMBUHAN PRODUKTIVITI	-431253
5	PERDAGANGAN BERSIH	5999264.342
	JUMLAH	757162

Perkara kedua yang akan dibincangkan di dalam keputusan kajian ini adalah berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan guna tenaga. Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, pertumbuhan guna tenaga adalah dipengaruhi oleh faktor pendidikan, latihan, inovasi, insentif pelaburan serta tingkat teknologi. Kelima-lima elemen ini memberi pengaruh yang sangat kuat terhadap permintaan guna tenaga di sesebuah negara.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk melihat perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor pelancongan di Malaysia dengan menggunakan kerangka input-output bagi tahun 2000 dan 2005 serta pengaplikasian kaedah Chenery. Kerangka input-output pada kedua-dua tahun iaitu 2000 dan 2005 telah diselaraskan kepada 16 sub sektor agar analisis mudah dilakukan serta dapat menghasilkan jawapan yang jitu. Keputusan kajian dilakukan berdasarkan lima aktiviti utama dalam sektor pelancongan iaitu perdagangan runcit, hotel, restoran, pengangkutan serta hiburan dan rekreasi. Hasil keputusan berkenaan perubahan komposisi guna tenaga dalam kajian ini menunjukkan bahawa perubahan yang dialami oleh sektor pelancongan adalah bernilai positif. Ini menunjukkan bahawa guna tenaga di Malaysia mengalami peningkatan daripada tahun 2000 kepada tahun 2005. Manakala bagi persolan berkenaan faktor yang mempengaruhi pertumbuhan guna tenaga pula, beberapa aspek telah dikenalpasti. Faktor-faktor tersebut adalah tahap pendidikan, inivasi, insentif pelaburan, latihan dan juga tingkat teknologi.

RUJUKAN

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). *Akaun Satelit Pelancongan, Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). *Data Siri Masa Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Industri, Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. (1992). *Kamus Pengkelasan Pekerjaan (DOC)*. Kuala Lumpur. Kementerian Sumber Manusia.
- Malaysia. (1998). *Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO)*. Kuala Lumpur. Kementerian Sumber Manusia.
- Malaysia. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Marcel P. Timmer dan Bart Los. 2002. *Localized Innovation and Productivity Growth in Asia : An Intertemporal DEA Approach*. The Asia Conference Efficiency and Productivity Growth, July 19-20 at the Academia Sinica, Taipei.

- Mohd Yusof Saari dan Zakariah Abdul Rashid. 2006. *Analisis dan Aplikasi Input-Output*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad, N. H. M., Elsadig, M. A., & Abul Quasem, A. (2009). Does Tourism Contribute Significantly to the Malaysian Economy? Multiplier analysis using I-O technique. *International Journal of Business and Management*, 4(7), 146–159.
- Nurlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman dan Abdul Hamid Jaafar. (2011). Impak Perbelanjaan Pelancong Antarabangsa Kepada Ekonomi Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 18(1), 217-238.
- Rhys Jenkins. 2008. Trade, Technology and Employment in South Africa. *Journal of Development Studies*, 4(1), 60-79.